



Rujukan : UKM3.2.8/ 224/6

Tarikh : 28 Mac 2012

## PEKELILING CRIM 2/2012

### DEKAN /PENGARAH/PENGURUS

- Fakulti Perubatan
- Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
- Fakulti Pengajian Islam
- Fakulti Sains dan Teknologi
- Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
- Fakulti Sains Kesihatan
- Fakulti Undang-Undang
- Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
- Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
- Fakulti Pendidikan
- Fakulti Farmasi
- UKM-Graduate School of Business
- Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
- Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
- Institut Kajian Oksidental (IKON)
- Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)
- Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik (IMEN)
- Institut Perubatan Molekul (UMBI)
- Institut Sains Angkasa (ANGKASA)
- Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI)
- Institut Biologi Sistem (INBIOSIS)
- Institut Teknologi Sel Bahan Api (SELFUEL)
- Institut Islam Hadhari (HADHARI)
- Institut Kajian Etnik (KITA)
- Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)
- Institut Kajian Bencana Asia Tenggara (SEADPRI)
- Institut Kajian Perubahan Iklim (IKP)
- Institut Informatik Visual
- Muzium Warisan Akademik
- Pusat Pembangunan Akademik (PPA)
- Pusat Pengurusan Siswazah (PPS)
- Pusat Pengajian Umum (PPU)
- Pusat Teknologi Maklumat
- Pusat Perancangan Korporat dan Kepimpinan (PPKK)

- Pejabat Perhubungan Alumni
- Pejabat Hubungan Antarabangsa
- Pusat Inovasi Kolaboratif
- Pusat Komunikasi Korporat
- Pusat Pemerkasaan Remaja (PERKASA)
- UKM-CESMED
- Pusat Jaminan Kualiti
- Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PKKP)
- Pusat Akreditasi Pembelajaran
- Pusat PERMATApintar Negara
- Pejabat Yayasan Canselor
- Pusat Kepimpinan Wanita
- Pejabat Hubungan Universiti-Masyarakat
- Pejabat Hubungan Industri

Y. Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan,

#### PANDUAN UNTUK MENGHADIRI PERSIDANGAN DAN MENGADAKAN PERSIDANGAN

Saya dengan hormatnya ingin merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa CRIM telah mengemaskini Garis Panduan Untuk Menghadiri dan Mengadakan Persidangan dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan Universiti (bertarikh 1 Jun 2011; 18 Oktober 2011; 3 Januari 2012 dan 10 Januari 2012).

Di sini juga ingin dimaklumkan bahawa Garis Panduan untuk Menghadiri dan Mengadakan Persidangan Dalam dan Luar Negara telah mengambil kira penggunaan peruntukan Universiti Penyelidikan, Peruntukan Pengurusan DAN menerima pakai peraturan geran penyelidikan FRGS/ERGS dan *Science Fund*.

Bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan Untuk Menghadiri dan Mengadakan Persidangan. Sukacita YBhg. Dato'/Prof./tuan/puan dapat memaklumkan dan menghebahkan kepada semua Penyelidik di bawah penyeliaan YBhg. Dato'/Prof./tuan/puan.

Kerjasama YBhg. Dato'/Prof./tuan/puan dalam perkara ini diucapkan ribuan terima kasih.

Yang benar,



PROF. DR. CHE HASSAN CHE HARON

Pengarah

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi

*Berlampir.*



TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

GARIS PANDUAN MENGHADIRI DAN  
MENGADAKAN PERSIDANGAN

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI (CRIM)  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

43600, BANGI

TEL : 03-8921 3095

FAKS : 03-8921 4573

**PANDUAN UNTUK MENGHADIRI DAN MENGADAKAN PERSIDANGAN  
(TERMASUK SEMINAR, SIMPOSIUM, KOLOKIU, KONGRES, FORUM, WACANA,  
BENGKEL DAN PAMERAN)  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Semua permohonan ini dibuat melalui sistem *e-mohon* persidangan dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM) bertanggungjawab dalam mengemaskini maklumat (jika ada sebarang pindaan dan perubahan status seperti pertukaran nama Ketua Jabatan/Pengerusi/Timbangan Dekan/Pengarah atau kesalahan mengisi maklumat/perincian perbelanjaan, tarikh perjalanan dan sebagainya).

**1. MENGHADIRI PERSIDANGAN**

**1.1 Menggunakan Peruntukan Universiti Penyelidikan (UP).**

- a) Semua permohonan yang menggunakan dana UP hendaklah disokong dengan hasil penerbitan dalam tempoh 3 tahun termasuk tahun semasa (jika ada) iaitu dapat menghasilkan 2.5 penerbitan terindeks/tahun atau mengikut keperluan semasa bagi KPI UP;
- b) Kakitangan akademik dibenarkan sekali sahaja menghadiri persidangan luar negara dan permohonan kali kedua bagi menghadiri persidangan di luar negara dibenarkan dengan syarat kertas kerja dalam persidangan yang pertama telah diterbitkan dalam jurnal;
- c) Kakitangan akademik yang ingin menghadiri persidangan ke luar negara dikehendaki membuktikan kertas kerja yang dibentangkan akan diterbitkan sekurang-kurangnya dalam pasca siding terindeks;
- d) Pemohon untuk membentangkan kertas kerja sahaja yang akan diberi pertimbangan bagi persidangan di luar negara;
- e) Permohonan hanya diberi pertimbangan kepada seorang pemohon sahaja bagi pembentangan kertas yang sama;
- f) Permohonan menghadiri Persidangan/Kursus/Bengkel di dalam negara hendaklah diperakukan oleh Ketua Projek/Ketua Kumpulan dan diluluskan oleh Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat/Institut;

- g) Permohonan menghadiri Persidangan/Kursus/Bengkel di luar negara hendaklah diperakukan oleh Ketua Projek dan Dekan/Pengarah serta diluluskan oleh Naib Canselor;
- h) Permohonan untuk mengadakan lawatan ke luar negara hanya akan dipertimbangkan bagi tujuan untuk memperkukuhkan jaringan dan aktiviti MOU sahaja.

### 1.2 Menggunakan Peruntukan Kementerian Pengajian Tinggi (FRGS/ERGS)

- a) Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya ketua penyelidik sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja;
- b) Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan/seminar/bengkel/kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan;
- c) Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan Teknologi;
- d) Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan Universiti;
- e) Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak RM15,000 atau 20% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan atau yang mana lebih kecil;
- f) Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40 peratus (40%) daripada jumlah keseluruhan projek.

### 1.3 Menggunakan Peruntukan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (*Science fund*)

- a) Ketua projek perlu mengemukakan permohonan ke MOSTI melalui CRIM selewat-lewatnya 6 minggu sebelum tarikh persidangan;
- b) Surat kelulusan daripada MOSTI hendaklah dimuat turun dalam sistem e-mohon persidangan oleh Ketua Projek sebelum dihantar untuk perakuan Ketua Jabatan;
- c) Kakitangan akademik dibenarkan sekali sahaja menghadiri persidangan di luar negara dalam tempoh pelaksanaan projek;

- d) Hanya Ketua Projek/Kolaborator/ahli penyelidik yang dibenarkan menghadiri persidangan tersebut.

#### **1.4 Menggunakan Peruntukan Pengurusan Fakulti/Pusat/Institut atau Tanpa Bantuan.**

- a) Permohonan menghadiri Persidangan/Kursus/Bengkel di dalam negara hendaklah diperakukan oleh Ketua Projek dan diluluskan oleh Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat/Institut;
- b) Permohonan menghadiri Persidangan/Kursus/Bengkel di luar negara hendaklah diperakukan oleh Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat/Institut dan diluluskan oleh Naib Canselor;
- c) Pemohon yang membentangkan kertas kerja sahaja yang akan diberi pertimbangan bagi persidangan di luar negara dan keutamaan diberi kepada pensyarah muda. Pensyarah senior digalakkan mendapatkan peruntukan daripada pihak penganjur luar;
- d) Pemohon yang berperanan sama ada sebagai pengerusi dalam satu-satu sidang, atau apa-apa peranan penting dalam persidangan akan dipertimbangkan;
- e) Permohonan hanya diberi pertimbangan kepada seorang pemohon sahaja bagi pembentangan kertas yang sama;
- f) Kakitangan yang bercuti sabbatical/cuti belajar boleh dipertimbangkan untuk mendapatkan bantuan Universiti bagi tujuan menghadiri persidangan.

#### **1.5 Laporan Menghadiri Persidangan Luar Negara/Dalam Negara**

- a) Laporan menghadiri persidangan perlu disediakan dan dikemukakan kepada Fakulti/Pusat/Institut dalam tempoh sebulan selepas menghadiri persidangan itu;
- b) Laporan menghadiri persidangan hendaklah dikemukakan bersama semua kertas kerja yang diperolehi semasa menghadiri persidangan di dalam dan di luar negara.

## 2. MENGADAKAN PERSIDANGAN

### 2.1 Menggunakan Peruntukan Universiti Penyelidikan (UP)

- a) Permohonan melalui *e-mohon* persidangan hendaklah dikemukakan kepada CRIM sekurang-kurangnya sebulan sebelum tarikh mengadakan persidangan;
- b) Permohonan mengadakan persidangan di dalam negara hendaklah diperakukan oleh Ketua Projek dan diluluskan oleh Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat/Institut;
- c) Permohonan mengadakan Persidangan di peringkat antarabangsa hendaklah diperakukan oleh Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat/Institut dan diluluskan oleh Naib Canselor.

### 2.2 Menggunakan Peruntukan Universiti atau Tanpa Bantuan

- a) Permohonan mengadakan Persidangan di peringkat kebangsaan hendaklah diperakukan oleh Ketua Jabatan/Pengerusi Pusat dan diluluskan oleh Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat/Institut;
- b) Permohonan mengadakan Persidangan di peringkat antarabangsa hendaklah diperakukan oleh Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat/Institut dan diluluskan oleh Naib Canselor;
- c) Permohonan melalui *e-mohon* persidangan hendaklah dikemukakan kepada CRIM sekurang-kurangnya sebulan sebelum tarikh mengadakan persidangan.

### 2.3 Laporan Mengadakan Persidangan di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa

- a) Laporan mengadakan persidangan perlu disediakan dan dikemukakan kepada Fakulti/Pusat/Institut dalam tempoh sebulan selepas menghadiri persidangan itu;
- b) Laporan menghadiri persidangan ini hendaklah dikemukakan bersama semua kertas kerja yang diperolehi semasa menghadiri persidangan di dalam dan di luar negara.